



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

KENYATAAN TAWARAN

NO. TENDER : KPFMB/01/2026(BBM-T)

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN MENTAH MASAKAN
KE TENERA HOTEL & SUITES, BANGI & FELDA D'SAJI KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH ENAM (6) BULAN, FEBRUARI 2026 HINGGA JULAI 2026**

BIL	PERKARA	MAKLUMAN
1.	Tawaran perkhidmatan membekal bahan mentah masakan ke Tenera Hotel & Suites, Bangi dan Felda D'Saji Kuala Lumpur bagi tempoh Februari 2026 hingga Julai 2026. Jenis-jenis produk adalah seperti berikut:- i. Ayam ii. Daging iii. Makanan laut (<i>seafood</i>) iv. Buah-buahan v. Sayur-sayuran vi. Telur vii. Barang kering (<i>groceries</i>) viii. Sejuk beku (<i>frozen</i>)	Tarikh panggilan:- 22 Januari 2026 (Khamis) Tarikh serahan:- 29 Januari 2026 (Khamis)

Semua urusan penyertaan, penyerahan dokumen, dan penilaian tender akan dilaksanakan sepenuhnya melalui portal **ProcureHere** mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Akses portal ProcureHere untuk pembekal yang telah berdaftar:

<https://app.procurehere.com/login>

Pendaftaran akaun ProcureHere untuk pembekal baharu:

<https://www.privasia.com/procurehere-supercharged-procurement-solutions/>



TERMA & SYARAT

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan SSM, berpengalaman dan berkemampuan bagi membekalkan produk yang berkualiti ke Tenera Hotel & Suites, Bangi dan Felda D'Saji Kuala Lumpur.
2. Penyertaan tender adalah melalui sistem **ProcureHere** sepenuhnya. Syarikat perlu mendaftar sebagai pembekal dalam portal ProcureHere dan bertanggungjawab memastikan akaun tersebut aktif dan berfungsi sebelum menyertai tender.
3. Pembekal hendaklah peka dan sentiasa memantau notifikasi melalui e-mel dan sistem ProcureHere berkaitan sebarang jemputan atau makluman tawaran tender.
4. Pada bahagian **Dokumen**, pembekal perlu memilih borang sebutharga yang berkaitan sahaja. Kemudian muat turun borang, cetak dan lengkapkan harga serta muat naik semula ke dalam portal ProcureHere pada bahagian '**Questionnaire**' atau **Soal Selidik**.
5. Pembekal bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua borang yang berkaitan diisi dengan lengkap dan dihantar sebelum tarikh dan masa tutup. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran sebutharga tidak dipertimbangkan.
6. Sebutharga yang diterima akan dinilai oleh Jawatankuasa Perolehan sebelum proses runding harga dibuat.
7. Tempoh sah tawaran bagi sebutharga ini adalah selama tiga puluh (30) hari bermula dari tarikh sebutharga ini dikeluarkan dan tertakluk kepada terma serta syarat yang ditetapkan.
8. Pembekal yang terpilih bagi menghadiri sesi temurunding akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau emel.
9. Pembekal adalah dilarang membuat sebarang pakatan harga dengan syarikat lain sehingga proses tender selesai dilaksanakan.
10. Surat Setuju Terima (SST) kepada pembekal yang berjaya akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Pengurusan.
11. Pihak Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan berhak menolak semua tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
12. Penjelasan lanjut boleh hubungi talian berikut:

Mas Widayu Binti Salim
Pegawai Perolehan
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad
013-501 0276
mas.ws@felda.net.my